

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Bab ini menghuraikan dapatan kajian yang merangkumi :

- (i) Latar belakang responden
- (ii) Tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah
- (iii) Perbezaan antara kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan
- (iv) Persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah
- (v) Hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan
- (vi) Hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan
- (vii) Hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah

Statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan latar belakang responden yang berhubung dengan jantina, umur, kelulusan akademik, dan pengalaman

mengajar. Statistik ini juga digunakan untuk menerangkan tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah, dan persepsi guru terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah. Statistik inferensi yang menggunakan ujian-t digunakan untuk menerangkan perbezaan antara kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Korelasi Pearson pula digunakan untuk menerangkan hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan.

4.2 Latar Belakang Responden

Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah. Sebuah sekolah dipilih dari sekolah berkesan dan sebuah lagi dari sekolah kurang berkesan. Taburan bilangan responden mengikut pembolehubah latar belakang ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut pembolehubah latar belakang. Analisis data dari segi jantina menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan (62.5 %) adalah melebihi bilangan responden lelaki (37.5 %). Dari segi umur pula, analisis data menunjukkan taburan bilangan responden yang berumur melebihi 40 tahun adalah paling ramai (63.8 %). Taburan bilangan responden mengikut kelulusan akademik pula menunjukkan bahawa responden siswazah (71.3 %) adalah lebih ramai daripada responden bukan siswazah (28.8 %). Analisis data mengikut pengalaman mengajar pula menunjukkan bahawa responden yang berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun juga adalah paling ramai (80.0 %).

Taburan responden bagi kedua-dua jenis sekolah, iaitu sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan adalah sama banyak (50.0 %).

Jadual 4.1 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Pembolehubah Latar Belakang

Pembolehubah	Bilangan	Peratus
<u>Jantina</u>		
Lelaki	30	37.5
Perempuan	50	65.5
<u>Umur</u>		
Kurang 30 Tahun	1	1.3
30 Hingga 40 Tahun	28	35.0
Melebihi 40 Tahun	51	63.8
<u>Kelulusan Akademik</u>		
Bukan Siswazah	23	28.8
Siswazah	57	71.3
<u>Pengalaman Mengajar</u>		
Kurang 5 Tahun	2	2.5
5 Hingga 10 Tahun	14	17.5
Melebihi 10 Tahun	64	80.0
<u>Jenis Sekolah</u>		
Sekolah Berkesan	40	50
Sekolah Kurang Berkesan	40	50

4.3 Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang pertama, iaitu “Apakah tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah?”. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua di dua buah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah, iaitu sebuah sekolah berkesan dan sebuah sekolah kurang berkesan. Kepemimpinan transformasional terdiri daripada empat ciri, iaitu karisma, stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan motivasi inspirasi. Oleh itu, kajian ini akan meninjau tahap kepemimpinan transformasional pengetua di kedua-dua buah sekolah dari aspek ciri-ciri kepemimpinan transformasional tersebut dan juga dari segi kepemimpinan transformasional secara keseluruhan.

Data dianalisis dengan menggunakan statistik min dan sisihan piawai. Tahap kepemimpinan transformasional ditentukan berdasarkan pemeringkatan berikut, iaitu : skor min 1.00 hingga 2.33 dikategorikan sebagai tahap rendah, skor min 2.34 hingga 3.66 pula sebagai tahap sederhana, dan skor min 3.67 hingga 5.00 dikategorikan sebagai tahap kepemimpinan transformasional yang tinggi (lihat Jadual 3.4). Analisis min dan sisihan piawai tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah mengikut aspek ciri-ciri kepemimpinan transformasional dan kepemimpinan transformasional secara keseluruhan adalah seperti dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 : Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah.

Ciri-ciri Kepemimpinan Transformasional	Min	Sisihan Piawai	Tahap
<u>Karisma</u>	4.08	0.75	Tinggi
a) Sek. Berkesan	4.25	0.66	Tinggi
b) Sek. Kurang Berkesan	3.91	0.81	Tinggi
<u>Stimulasi Intelektual</u>	4.05	0.82	Tinggi
a) Sek. Berkesan	4.18	0.68	Tinggi
b) Sek. Kurang Berkesan	3.92	0.92	Tinggi
<u>Pertimbangan Individu</u>	3.96	0.88	Tinggi
a) Sek. Berkesan	3.90	0.71	Tinggi
b) Sek. Kurang Berkesan	4.02	1.03	Tinggi
<u>Motivasi Inspirasi</u>	4.12	0.72	Tinggi
a) Sek. Berkesan	4.29	0.62	Tinggi
b) Sek. Kurang Berkesan	3.95	0.78	Tinggi
<u>Kepem. Transformasional</u>	4.05	0.61	Tinggi
a) Sek. Berkesan	4.15	0.55	Tinggi
b) Sek. Kurang Berkesan	3.95	0.66	Tinggi

4.3.1 Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Dari Aspek Karisma

Berdasarkan Jadual 4.2, analisis data menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah dari aspek karisma (skor min = 4.08) adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis data bagi

sekolah berkesan (skor min = 4.25) dan sekolah kurang berkesan (skor min = 3.91) juga menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma bagi kedua-dua buah jenis sekolah adalah berada pada tahap yang tinggi.

4.3.2 Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Dari Aspek Stimulasi Intelektual

Analisis data dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah dari aspek stimulasi intelektual (skor min = 4.05) adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis data bagi sekolah berkesan (skor min = 4.18) dan sekolah kurang berkesan (skor min = 3.92) juga menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek stimulasi intelektual bagi kedua-dua buah jenis sekolah berada pada tahap yang tinggi.

4.3.3 Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Dari Aspek Pertimbangan Individu

Analisis data dalam Jadual 4.2 juga menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah dari aspek pertimbangan individu (skor min = 3.96) adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis data bagi sekolah berkesan (skor min = 3.90) dan sekolah kurang berkesan (skor min = 4.02) juga menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu bagi kedua-dua buah jenis sekolah adalah berada pada tahap yang tinggi.

4.3.4 Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Dari Aspek Motivasi Inspirasi

Seterusnya, analisis data dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah dari aspek motivasi inspirasi (skor min = 4.12) juga berada pada tahap yang tinggi. Analisis data bagi sekolah berkesan (skor min = 4.29) dan sekolah kurang berkesan (skor min = 3.95) menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi bagi kedua-dua buah jenis sekolah juga berada pada tahap yang tinggi.

4.3.5 Tahap Kepemimpinan Transformasional Di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah Secara Keseluruhan

Analisis data dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah secara keseluruhannya (skor min = 4.05) adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis data bagi sekolah berkesan (skor min = 4.15) dan sekolah kurang berkesan (skor min = 3.95) juga menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua bagi kedua-dua buah jenis sekolah berada pada tahap yang tinggi.

Pada keseluruhannya, analisis data menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah adalah berada pada tahap yang tinggi, sama ada di sekolah berkesan ataupun di sekolah kurang berkesan. Analisis data juga menunjukkan bahawa keempat-empat ciri kepemimpinan transformasional, iaitu karisma, stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan

motivasi inspirasi juga berada pada tahap yang tinggi bagi kedua-dua buah jenis sekolah.

4.4 Perbezaan Antara Kepemimpinan Transformasional Pengetua Di Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang kedua, iaitu “Adakah terdapat perbezaan antara kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan?”. Statistik ujian-t tak bersandar digunakan untuk menganalisis data. Analisis dibuat berdasarkan kepada empat ciri kepemimpinan transformasional, iaitu karisma, stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan motivasi inspirasi dan juga kepemimpinan transformasional secara keseluruhan.

4.4.1 Karisma

Analisis data dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma adalah tinggi bagi sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan. Walau bagaimanapun analisis data juga menunjukkan terdapat perbezaan skor min kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma antara sekolah berkesan (skor min = 4.25) dengan sekolah kurang berkesan (skor min = 3.91). Ini bermakna skor min kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma bagi sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan. Untuk melihat perbezaan kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan, maka analisis ujian-t dijalankan.

Jadual 4.3 : Analisis Ujian-t Perbezaan Kepemimpinan Transformasional Dari Aspek Karisma Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan

Pembolehubah	Bil.	Min	S.P	Nilai t	p
<u>Karisma</u>					
a) Sek. Berkesan	40	4.25	0.66	2.12*	0.038
b) Sek. Kurang Berkesan	40	3.91	0.81		

* Signifikan pada aras 0.05

Jadual 4.3 menunjukkan analisis ujian-t perbezaan kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Analisis data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan ($\text{nilai } t = 2.12, p < 0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek karisma di sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

4.4.2 Stimulasi Intelektual

Berdasarkan Jadual 4.2, analisis data menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek stimulasi intelektual adalah tinggi bagi sekolah berkesan (skor min = 4.18) dan sekolah kurang berkesan (skor min = 3.92). Walau bagaimanapun data menunjukkan bahawa skor min

kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek stimulasi intelektual bagi sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek stimulasi intelektual antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan, maka analisis ujian-t dijalankan.

Jadual 4.4 menunjukkan analisis ujian-t perbezaan kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek stimulasi intelektual antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Analisis data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek stimulasi intelektual antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan (nilai $t = 1.39$, $p > 0.05$).

Jadual 4.4 : Analisis Ujian-t Perbezaan Kepemimpinan Transformasional Dari Aspek Stimulasi Intelektual Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan

Pembolehubah	Bil.	Min	S.P	Nilai t	p
<u>Stimulasi Intelektual</u>					
a) Sek. Berkesan	40	4.18	0.68	1.39	0.167
b) Sek. Kurang Berkesan	40	3.92	0.92		

Pada keseluruhannya, analisis data menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam nilai skor min kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek

stimulasi intelektual antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan, iaitu skor min sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan, namun berdasarkan analisis ujian-t, perbezaan tersebut adalah tidak signifikan.

4.4.3 Pertimbangan Individu

Analisis data dalam Jadual 4.2 juga menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis data juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Skor min kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu bagi sekolah berkesan (skor min = 3.90) adalah lebih rendah daripada sekolah kurang berkesan (skor min = 4.02).

Jadual 4.5 : Analisis Ujian-t Perbezaan Kepemimpinan Transformasional Dari Aspek Pertimbangan Individu Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan

Pembolehubah	Bil.	Min	S.P	Nilai t	p
<u>Pertimbangan individu</u>					
a) Sek. Berkesan	40	3.90	0.71	- 0.62	
b) Sek. Kurang Berkesan	40	4.02	1.03		0.539

Analisis ujian-t digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan.

Jadual 4.5 menunjukkan analisis ujian-t perbezaan kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Analisis data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan (nilai $t = -0.62$, $p > 0.05$).

Ini bermakna, walaupun skor min menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek pertimbangan individu di sekolah kurang berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah berkesan, tetapi berdasarkan analisis ujian-t perbezaan tersebut adalah tidak signifikan.

4.4.4 Motivasi Inspirasi

Walaupun analisis data dalam Jadual 4.2 menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi bagi sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan adalah tinggi, namun data juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi antara kedua-dua buah sekolah tersebut. Kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi bagi sekolah berkesan (skor min = 4.29) adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan (skor min = 3.95).

Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan, maka analisis ujian-t dijalankan.

Jadual 4.6 menunjukkan analisis ujian-t perbezaan kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi di antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Analisis data menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan (nilai $t = 2.12$, $p < 0.05$).

Jadual 4.6 : Analisis Ujian-t Perbezaan Kepemimpinan Transformasional Dari Aspek Motivasi Inspirasi Di Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan

Pembolehubah	Bil.	Min	S.P	Nilai t	p
Motivasi Inspirasi					
a) Sek. Berkesan	40	4.29	0.62	2.12*	0.037
b) Sek. Kurang Berkesan	40	3.95	0.78		

* Signifikan pada aras 0.05

Ini bermakna terdapat perbezaan dalam kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Kepemimpinan transformasional pengetua dari aspek motivasi inspirasi di sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

4.4.5 Kepemimpinan Transformasional Secara Keseluruhan

Tahap kepemimpinan transformasional pengetua secara keseluruhannya juga adalah tinggi di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Walau bagaimanapun, analisis data menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan (skor min = 4.15) adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan (skor min = 3.95). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam kepemimpinan transformasional pengetua antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan.

Analisis ujian-t dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan.

Jadual 4.7 : Analisis Ujian-t Perbezaan Kepemimpinan Transformasional Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan

Pembolehubah	Bil.	Min	S.P	Nilai t	p
<u>Kepem. Transformasional</u>					
a) Sek. Berkesan	40	4.15	0.55	1.50	0.139
b) Sek. Kurang Berkesan	40	3.95	0.66		

Jadual 4.7 menunjukkan analisis ujian-t perbezaan kepemimpinan transformasional pengetua antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Analisis data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam

kepemimpinan transformasional pengetua antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan (nilai $t = 1.50$, $p > 0.05$).

Secara keseluruhannya, analisis data menggunakan ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepemimpinan transformasional pengetua antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan, walaupun skor min menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

4.5 Persepsi Guru-guru Terhadap Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Di Sekolah Menengah

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang ketiga, iaitu “Apakah persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah?”. Analisis data akan melihat persepsi guru-guru terhadap kelima-lima aspek pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di kedua-dua buah sekolah kajian serta tanggapan guru-guru terhadap tahap pelaksanaan inovasi kurikulum tersebut. Statistik kekerapan dan peratus digunakan untuk menganalisis data.

4.5.1 Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Penyampaian Maklumat Tentang Inovasi Kurikulum

Penyataan soalan bagi aspek ini ialah “Adakah pengetua anda menyampaikan maklumat tentang inovasi kurikulum yang dihendaki oleh Kementerian Pendidikan untuk dilaksanakan di sekolah?”. Jadual 4.8 menunjukkan persepsi guru-guru tentang pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dari aspek penyampaian maklumat tentang inovasi kurikulum.

Jadual 4.8 : Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Penyampaian Maklumat Tentang Inovasi Kurikulum

Jenis Sekolah	Ya		Tidak		Tiada Respon	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(a) Sekolah Berkesan	40	100	-	-	-	-
(b) Sekolah Kurang Berkesan	38	95	1	2.5	1	2.5
Keseluruhan	78	97.5	1	1.3	1	1.3

Analisis data menunjukkan bahawa 100% (40) responden di sekolah berkesan menganggap bahawa pengetua mereka menyampaikan maklumat tentang inovasi kurikulum, manakala di sekolah kurang berkesan 95% (38) responden menganggap bahawa pengetua menyampaikan maklumat tentang inovasi kurikulum, 2.5% (1) responden menganggap pengetua tidak menyampaikan maklumat tentang inovasi kurikulum, dan 2.5% (1) responden lagi tidak memberikan respon bagi pernyataan tersebut. Analisis data ini menunjukkan bahawa bilangan guru di sekolah berkesan yang menganggap pengetua mereka menyampaikan maklumat tentang inovasi kurikulum adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

Analisis data secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa bilangan guru di kedua-dua buah sekolah yang menganggap pengetua mereka menyampaikan maklumat tentang inovasi kurikulum adalah tinggi (97.5%), berbanding dengan yang menganggap tidak (1.3%). Ini bermakna bahawa daripada persepsi sebilangan besar

guru-guru di kedua-dua buah sekolah, pengetua telah melaksanakan inovasi kurikulum dari aspek penyampaian maklumat tentang inovasi kurikulum.

4.5.2 Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Penubuhan Jawatan kuasa

Penyataan soalan bagi aspek ini ialah “Adakah pengetua anda menubuhkan sebuah jawatan kuasa yang bertanggungjawab untuk mengendalikan inovasi kurikulum di sekolah anda?”. Jadual 4.9 menunjukkan persepsi guru-guru tentang pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dari aspek penubuhan jawatan kuasa.

Jadual 4.9 : Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Penubuhan Jawatankuasa

Jenis Sekolah	Ya		Tidak		Tiada Respon	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(a) Sekolah Berkesan	38	95	2	5	-	-
(b) Sekolah Kurang Berkesan	32	80	8	20	-	-
Keseluruhan	70	87.5	10	12.5	-	-

Analisis data menunjukkan bahawa 95% (38) responden di sekolah berkesan menganggap pengetua mereka menubuhkan jawatan kuasa untuk mengendalikan inovasi kurikulum di sekolah, manakala 5% (2) responden menganggap pengetua tidak menubuhkan jawatan kuasa tersebut. Analisis data bagi sekolah kurang berkesan pula menunjukkan bahawa 80% (32) responden menganggap pengetua menubuhkan

jawatan kuasa untuk mengendalikan inovasi kurikulum di sekolah, manakala 20% (8) responden menganggap tidak. Analisis data bagi aspek ini juga menunjukkan bahawa bilangan guru di sekolah berkesan yang menganggap pengetua mereka menujuhan jawatan kuasa yang mengendalikan inovasi kurikulum di sekolah, adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

Analisis data secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa bilangan guru di kedua-dua buah sekolah yang menganggap pengetua mereka menujuhan jawatan kuasa yang mengendalikan inovasi kurikulum adalah tinggi (87.5%) berbanding dengan yang menganggap tidak (12.5%). Ini bermakna bahawa sebilangan besar guru-guru di kedua-dua buah sekolah tersebut menganggap bahawa pengetua mereka telah melaksanakan inovasi kurikulum dari aspek penubuhan jawatankuasa yang mengendalikan inovasi kurikulum.

4.5.3 Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Mengadakan Kursus Perkembangan Staf

Penyataan soalan bagi aspek ini ialah “Adakah pengetua anda mengadakan kursus perkembangan staf yang berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum di sekolah anda?”. Jadual 4.10 menunjukkan persepsi guru-guru tentang pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dari aspek mengadakan kursus perkembangan staf.

Analisis data menunjukkan bahawa 100% (40) responden di sekolah berkesan menganggap bahawa pengetua mengadakan kursus perkembangan staf yang berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum. Bagi sekolah kurang berkesan pula sebanyak 67.5% (27) responden menganggap bahawa pengetua mengadakan kursus

perkembangan staf tersebut, dan selebihnya 32.5% (13) responden menganggap pengetua tidak mengadakan kursus perkembangan staf yang berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum. Analisis data menunjukkan bahawa bilangan guru di sekolah berkesan yang menganggap pengetua mereka mengadakan kursus perkembangan staf berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

Jadual 4.10 : Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Mengadakan Kursus Perkembangan Staf

Jenis Sekolah	Ya		Tidak		Tiada Respon	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(a) Sekolah Berkesan	40	100	-	-	-	-
(b) Sekolah Kurang Berkesan	27	67.5	13	32.5	-	-
Keseluruhan	67	83.8	13	16.3	-	-

Analisis data secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa bilangan guru di kedua-dua buah sekolah yang menganggap pengetua mereka mengadakan kursus perkembangan staf yang berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum adalah tinggi (83.8%), berbanding dengan yang menganggap tidak (16.3%). Ini bermakna bahawa daripada persepsi sebilangan besar guru-guru di kedua-dua buah sekolah, pengetua telah melaksanakan inovasi kurikulum dari aspek mengadakan kursus perkembangan staf yang berkaitan dengan sesuatu inovasi kurikulum.

4.5.4 Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Memberi Peruntukan Kewangan

Penyataan soalan bagi aspek ini ialah “Adakah pengetua anda memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum?”. Jadual 4.11 menunjukkan persepsi guru-guru tentang pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dari aspek memberi peruntukan kewangan.

Jadual 4.11 : Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Memberi Peruntukan Kewangan

Jenis Sekolah	Ya		Tidak		Tiada Respon	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(a) Sekolah Berkesan	33	82.5	7	17.5	-	-
(b) Sekolah Kurang Berkesan	32	80	8	20	-	-
Keseluruhan	65	81.3	15	18.8	-	-

Analisis data menunjukkan bahawa 82.5% (33) responden di sekolah berkesan menganggap bahawa pengetua memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum, manakala 17.5% (7) responden menganggap tidak. Bagi sekolah kurang berkesan pula, sebanyak 80% (32) responden menganggap pengetua memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum, manakala selebihnya sebanyak 20% (8) responden menganggap pengetua tidak memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum. Analisis data

menunjukkan bahawa bilangan guru di sekolah berkesan yang menganggap pengetua mereka memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum adalah lebih tinggi sedikit daripada sekolah kurang berkesan.

Analisis data secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa bilangan guru di kedua-dua buah sekolah yang menganggap pengetua mereka memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum adalah tinggi (81.3%), berbanding dengan yang menganggap tidak (18.8%). Ini bermakna bahawa sebilangan besar guru-guru di kedua-dua buah sekolah tersebut menganggap bahawa pengetua mereka telah melaksanakan inovasi kurikulum dari aspek memberi peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk melaksanakan sesuatu inovasi kurikulum.

4.5.5 Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Menyediakan Kemudahan

Penyataan soalan bagi aspek ini ialah “Adakah pengetua anda menyediakan kemudahan yang sewajarnya dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum?”. Jadual 4.12 menunjukkan persepsi guru-guru tentang pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua dari aspek menyediakan kemudahan. Analisis data menunjukkan bahawa 80% (32) responden di sekolah berkesan menganggap bahawa pengetua menyediakan kemudahan yang sewajarnya dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum, manakala 20% (8) responden menganggap tidak. Sebanyak 65% (26) responden di sekolah kurang berkesan menganggap bahawa pengetua menyediakan kemudahan yang sewajarnya dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum, manakala selebihnya sebanyak 35% (14) responden menganggap tidak. Analisis data menunjukkan bahawa

bilangan guru di sekolah berkesan yang menganggap pengetua mereka menyediakan kemudahan yang sewajarnya dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

Jadual 4.12 : Persepsi Guru Tentang Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua Dari Aspek Menyediakan Kemudahan

Jenis Sekolah	Ya		Tidak		Tiada Respon	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(a) Sekolah Berkesan	32	80	8	20	-	-
(b) Sekolah Kurang Berkesan	26	65	14	35	-	-
Keseluruhan	58	72.5	22	27.5	-	-

Analisis data secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa bilangan guru di kedua-dua buah sekolah yang menganggap pengetua mereka menyediakan kemudahan yang sewajarnya dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum adalah tinggi (72.5%), berbanding dengan yang menganggap tidak (27.5%). Ini bermakna bahawa daripada persepsi sebilangan besar guru-guru di kedua-dua buah sekolah, pengetua telah melaksanakan inovasi kurikulum dari aspek menyediakan kemudahan yang sewajarnya dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum.

4.5.6 Persepsi Guru Tentang Tahap Kejayaan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua

Penyataan soalan bagi aspek ini ialah “Pada tanggapan anda, sejauh manakah tahap pelaksanaan inovasi kurikulum yang dilaksanakan oleh pengetua anda?”. Jadual 4.13 menunjukkan persepsi guru-guru tentang tahap kejayaan pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua.

Jadual 4.13 : Persepsi Guru Tentang Tahap Kejayaan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum oleh Pengetua

Jenis Sekolah	Tidak Berjaya		Berjaya		Sangat Berjaya	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
(a) Sekolah Berkesan	2	5	31	77.5	7	17.5
(b) Sekolah Kurang Berkesan	12	30	28	70	-	-
Keseluruhan	14	17.5	59	73.8	7	8.8

Analisis data bagi sekolah berkesan menunjukkan bahawa 5% (2) responden menganggap tidak berjaya, 77.5% (31) responden menganggap berjaya, dan 17.5% (7) responden menganggap sangat berjaya. Bagi sekolah kurang berkesan pula, analisis data menunjukkan bahawa 30% (12) responden menganggap tidak berjaya, dan 70% (28) responden menganggap berjaya. Ini bermakna bilangan guru yang menganggap pengetua mereka berjaya melaksanakan inovasi kurikulum di sekolah berkesan adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan.

Analisis data secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa bilangan guru di kedua-dua buah sekolah yang menganggap pengetua mereka berjaya melaksanakan inovasi kurikulum di sekolah adalah tinggi (73.8%), berbanding dengan yang menganggap tidak (17.5%). Ini bermakna bahawa daripada persepsi sebilangan besar guru-guru di kedua-dua buah sekolah, pengetua telah berjaya melaksanakan inovasi kurikulum.

Secara keseluruhannya, analisis data bagi setiap aspek pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah, sama ada di sekolah berkesan atau sekolah kurang berkesan menunjukkan bahawa bilangan guru yang menganggap pengetua mereka melaksanakan semua aspek inovasi kurikulum adalah tinggi. Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan guru di sekolah berkesan yang menganggap pengetua mereka melaksanakan setiap aspek inovasi kurikulum adalah lebih tinggi daripada sekolah kurang berkesan. Berdasarkan analisis data dapat dirumuskan bahawa hasil kajian menunjukkan yang sebilangan besar guru-guru di kedua-dua buah sekolah menganggap bahawa pengetua telah berjaya melaksanakan inovasi kurikulum di sekolah menengah.

4.6 Hubungan Antara Kepemimpinan Transformasional Pengetua Dengan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Berkesan

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang keempat, iaitu “Adakah terdapat hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan?”. Analisis ini akan melihat hubungan antara ciri-ciri kepemimpinan transformasional, iaitu karisma, stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan motivasi inspirasi dan kepemimpinan

transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan. Untuk melihat hubungan antara kepemimpinan transformasional dan ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan, analisis Korelasi Pearson digunakan. Aras signifikan ditetapkan pada 0.05. Analisis data juga melihat tahap kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah. Kekuatan hubungan antara pembolehubah ditentukan berdasarkan Jadual 3.6 dalam Bab III.

Jadual 4.14 : Analisis Korelasi Antara Kepemimpinan Transformasional dan Ciri-cirinya Dengan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Berkesan

Pembolehubah	Kepemimpinan Transformasional				
	Karisma	Stimulasi	Pertim. Ind	Motivasi	K'seluruh
Pelaksanaan Inovasi Kurikulum	0.31 (p = 0.052)	0.34 (p = 0.035)	0.35 (p = 0.026)	0.23 (p = 0.147)	0.42 (p = 0.007)

Jadual 4.14 menunjukkan analisis korelasi antara kepemimpinan transformasional pengetua dan ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan. Analisis data menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah berikut :

- (i) Ciri stimulasi intelektual dengan pelaksanaan inovasi kurikulum
($r = 0.34, p < 0.05$)
- (ii) Ciri pertimbangan individu dengan pelaksanaan inovasi kurikulum
($r = 0.35, p < 0.05$)

- (iii) Kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum ($r = 0.42$, $p < 0.05$)

Tahap kekuatan hubungan antara pembolehubah stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum adalah berada pada tahap yang sederhana ($r = 0.34 - 0.66$).

Bagi ciri karisma ($r = 0.31$, $p > 0.05$) dan motivasi inspirasi ($r = 0.23$, $p > 0.05$), analisis data menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara ciri stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan. Walau bagaimanapun tahap kekuatan hubungan tersebut adalah pada tahap sederhana sahaja. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara ciri-ciri karisma dan motivasi inspirasi dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan.

4.7 Hubungan Antara Kepemimpinan Transformasional Pengetua Dengan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Kurang Berkesan

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang kelima, iaitu “Adakah terdapat hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan?”. Analisis ini akan

melihat hubungan antara ciri-ciri kepemimpinan transformasional, iaitu karisma, stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan motivasi inspirasi dan kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan. Untuk melihat hubungan antara kepemimpinan transformasional dan ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan, analisis Korelasi Pearson digunakan. Aras signifikan ditetapkan pada 0.05. Kekuatan hubungan antara pembolehubah juga akan ditentukan berdasarkan Jadual 3.6 dalam Bab III.

Jadual 4.15 : Analisis Korelasi Antara Kepemimpinan Transformasional dan Ciri-cirinya Dengan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Kurang Berkesan

Pembolehubah	Kepemimpinan Transformasional				
	Karisma	Stimulasi	Pertim. Ind	Motivasi	K'seluruh
Pelaksanaan Inovasi Kurikulum	0.13 (p = 0.437)	- 0.96 (p = 0.557)	0.15 (p = 0.354)	- 0.81 (p = 0.620)	0.034 (p = 0.835)

Jadual 4.15 menunjukkan analisis korelasi antara kepemimpinan transformasional pengetua dan ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan. Analisis data menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional ($r = 0.034$, $p > 0.05$) dan keempat-empat cirinya, iaitu karisma ($r = 0.13$, $p > 0.05$), stimulasi intelektual ($r = -0.96$, $p > 0.05$), pertimbangan individu ($r = 0.15$, $p > 0.05$), dan motivasi

inspirasi ($r = -0.81$, $p > 0.05$) dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan.

Ini bermakna bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dan semua ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan.

4.8 Hubungan Antara Kepemimpinan Transformasional Pengetua Dengan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Menengah

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang keenam, iaitu “ Adakah terdapat hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah?”. Analisis data dibuat secara keseluruhan bagi kedua-dua buah sekolah berkenaan. Statistik Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data. Aras signifikan ditetapkan pada 0.05. Kekuatan hubungan antara pembolehubah juga akan ditentukan berdasarkan Jadual 3.6 dalam Bab III.

Jadual 4.16 : Analisis Korelasi Antara Kepemimpinan Transformasional dan Ciri-cirinya Dengan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Sekolah Menengah

Pembolehubah	Kepemimpinan Transformasional				
	Karisma	Stimulasi	Pertim. Ind	Motivasi	K'seluruh
Pelaksanaan Inovasi Kurikulum	0.32 ($p = 0.004$)	0.26 ($p = 0.020$)	0.25 ($p = 0.027$)	0.22 ($p = 0.052$)	0.34 ($p = 0.002$)

Jadual 4.16 menunjukkan analisis korelasi antara kepemimpinan transformasional pengetua dan ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya ciri Motivasi Inspirasi sahaja yang tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan inovasi kurikulum ($r = 0.22$, $p > 0.05$), manakala tiga lagi ciri-cirinya, iaitu karisma ($r = 0.32$, $p < 0.05$), Stimulasi Intelektual ($r = 0.26$, $p < 0.05$), dan Pertimbangan Individu ($r = 0.25$, $p < 0.05$) adalah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan inovasi kurikulum. Analisis bagi hubungan antara kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keduanya ($r = 0.34$, $p < 0.05$).

Tahap kekuatan hubungan antara ciri –ciri karisma, stimulasi intelektual, dan pertimbangan individu dengan pelaksanaan inovasi kurikulum adalah berada pada tahap yang lemah ($r = 0.00 – 0.33$), manakala hubungan antara kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum adalah berada pada tahap yang sederhana ($r = 0.34 – 0.66$).

Ini bermakna bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dan tiga ciri-cirinya, iaitu karisma, stimulasi intelektual, dan pertimbangan individu dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Walau bagaimanapun tahap kekuatan hubungan antara ciri-ciri karisma, stimulasi intelektual, dan pertimbangan individu dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah adalah berada pada tahap yang lemah. Kekuatan hubungan antara kepemimpinan transformasional secara keseluruhannya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum juga hanya berada pada tahap yang sederhana sahaja.